



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) 1978

DR.20/1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan
Trengganu Tengah 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan
Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen,
dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Nama.
Trengganu Tengah (Pindaan) 1978.

2. (1) Seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Pindaan
Tengah 1973 adalah dipinda dengan menggantikan per- bagi
kataan “dua” dalam perenggan-perenggan (c) dan (d) seksyen 5.
seksyen-kecil (1) dengan perkataan “tiga”. Akta 104.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula
berkuatkuasa pada 1hb Jun 1978.

3. Jadual Pertama kepada Akta Lembaga Kemajuan Pindaan
Trengganu Tengah 1973 adalah dipinda dengan mengganti- bagi
kan perkataan “tiga” dalam perenggan 4 (2) dengan per- Jadual
kataan “empat”. Pertama.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan
Trengganu Tengah 1973 untuk menambah bilangan wakil Kerajaan
Persekutuan dan wakil Kerajaan Negeri dalam Lembaga Kemajuan
Trengganu Tengah masing-masing dari dua kepada tiga, dan untuk
menambah korum Lembaga dari tiga kepada empat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-
apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 895.]